



PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 6 BILANGAN 16

BANDAR BRUNEI, Rabu 16 August 1961 (5 Rabiulawal 1381)

PERCHUMA

ISTIADAT PERISHTIHARAN

## DULI PENGIRAN MUDA MAHKOTA

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Hassanal Bolkia anakanda sulung kepada Duli2 Yang Maha Mulia Sultan dan Raja Isteri telah di-ishtiharkan menjadi yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei pada 14 August jam 2.45 petang di-Pasiban Agong Istana Darul Hana dengan penoh istiadat di-raja yang turun temurun.

Upacara yang penoh dengan adat istiadat di-raja itu telah dihadiri oleh Duli Yang Maha Mulia dan anakanda yang kedua baginda Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Bolkia, Wazir2 Duli Pengiran Bendahara dan Duli Pengiran Pemancha, Cheteria2 Pengiran Shahbandar dan Pengiran Kerma Indera, Kerabat2 Di-Raja, Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri, Pehin2 dan para2 jemputan khas.

Istiadat memashhorkan perishtiharan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Hassanal Bolkia menjadi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei telah di-umumkan oleh Yang Di-Hormati lagi Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Di-Gadong dan setelah itu Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri Besar Dato Setia Marsal bin Ma'un membaca Surat Perishtiharan Yang Bertarasul atas pemashhorkan gelaran Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei.

Sembilan belas das meriam telah di-tembakkan sa-baik sahaja selesai memashhorkan perishtiharan dan menyusupkan keris ke-besaran kerajaan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota.

Sa-baik2 sahaja selesai upacara memashhorkan perishtiharan itu do'a selamat telah di-baca oleh Yang Mulia Begawan Mudim Haji Adnan, Kadhi Brunei.

Sa-telah itu Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Muda Mahkota telah di-arak berkeliling Bandar Brunei dengan di-iringi kira2 500 buah kerita yang terdiri dari pasokan2 hadrah, senipit, tumbak,

pedang, pehawai, Duli Pengiran Bendahara, Duli Pengiran Pemancha, Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri dan para2 jemputan khas.

Sa-belum istiadat memashhorkan perishtiharan itu Duli Yang Maha Mulia dengan di-

lia Pengiran Shahbandar, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Muhammad, Kerabat2 Di-Raja, Menteri2 (termasok menteri2 darat), 20 orang pasokan membawa senipit, 10 orang pasokan membawa tumbak, 18 orang pasokan membawa pedang, 10



Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota.

iringi oleh juru2 iring baginda telah berangkat ka-Pasiban Agong untuk menjalankan upacara tersebut.

### MENJUNJONG

Ketua Pegawai Adat Istiadat di-Istana, Dato Raja Haji Omar telah berdatang sembah ka-Bawah Duli Yang Maha Mulia mengatakan "istiadat majlis telah sedia", sa-baik sahaja Duli Yang Maha Mulia dan para jemputan hadir di-Pasiban Agong.

Istiadat menjunjong Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Bolkia yang di-kekelakan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Yang Amat Mu-

orang pasokan pehawai (anak2 perempuan) dan dua orang Penglima menjadi kepala jalan telah di-jalankan sa-telah Yang Di-Hormati lagi Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Di-Gadong berdatang sembah ka-Bawah Duli Yang Maha Mulia menyatakan istiadat itu mohon di-jalankan.

Sa-telah itu Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Hassanal Bolkia pun berangkat ka-padang dekat istana kerana menerima tabek barisan kehormatan dari pasokan pulis di-iringi oleh Yang Teramat Mulia Duli

### Lawatan D.P.M.M. ka-Tutong

TUTONG. — Ranchangan sambutan bagi lawatan resmi Y. T. M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei ka-Daerah Tutong pada hari ini ada-lah saperti di-bawah ini:

8.30 pagi — Orang ramai hadir dan berator di-Sekolah Melayu Muda Hashim serta murid2 sekolah berator di-tepi jalan ka-sekolah meng-alu2kan ketibaan Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota.

9.00 pagi — Rombongan Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota tiba, di-sambut oleh Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Abu Bakar serta dengan Menteri2 Darat dan Jawatan2 Kuasa Sambutan yang dilantek.

9.10 pagi — Surat Uchapan dibacakan oleh Chegu Ahmad bin Kadi dan sa-lepas itu Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota akan membalas ucapan itu.

9.25 pagi — Menyampaikan persembahan yang berupa benda perak dari Penduduk Da'erah Tutong kepada Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota.

9.30 pagi — Memperkenalkan orang2 kenama'an dan saterusnya berziarah dengan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota.

10.00 pagi — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan rombongan serta hadirin di-junjong ka-tempat jamuan yang di-sediakan sambil melihat permainan kesenian.

10.30 pagi — Rombongan Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota berangkat menuju ka-Kuala Belait.

10.45 pagi — Majlis sambutan bersurai.

Lawatan D.P.M.M. ka-Belait dan Temburong di-siarkan di-muka 5.

(Lihat Muka 5)

# PAMERAN PERTANIAN NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Besar isteri Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara akan merasmikan pembukaan Pameran Pertanian Sa-Negeri Brunei Kali Ke-14 yang akan berlangsung di-Sekolah2 Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Raja Isteri Fatimah pada 20 August.

## MAJLIS SELAMAT BERPISAH

SERIA. — Pegawai2 Kerajaan Brunei dan Pegawai2 Shariat Minyak Brunei Shell telah bersama2 mengadakan satu majlis yang meriah untuk meraikan Yang Berhormat Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omarali, Pegawai Daerah Belait.

Majlis perpisahan itu telah diadakan di-dewan S.R.C. Seria.

Yang Berhormat Pengiran Abu Bakar pada masa ini sedang berchuti dan akan terus bersara.

Inche Abdul Ghani bin Hassan pada masa sekarang memangku jawatan sa-bagai Pegawai Daerah Belait.

Inche T.E.N. Rassip telah memberi ucapan bagi pekah pegawai2 tersebut di-majlis itu.

Beliau telah memuji jasa dan perkhidmatan Pengiran Abu Bakar terhadap masyarakat sambil menegaskan bahawa budi bahasa dan-ramah tamah beliau itu ada-lah merupakan sa-bagai penawar kepada orang ramai.

Ketika membalas ucapan yang telah di-lafadzkan oleh Inche Rassip, Yang Berhormat Pengiran Abu Bakar berkata bahawa beliau sangat2 bergembira dan berasa penoh kehormatan atas kerajinan yang di-berikan kepada beliau di-majlis tersebut.

Sa-bagai kenangan terhadap jasa dan perkhidmatan Yang Berhormat Pengiran Abu Bakar terhadap masyarakat, pegawai2 tersebut telah menghadihkan chenderamata2 kepada beliau dan juga kepada isteri beliau.

Pameran tersebut akan di-hakimkan oleh para pengadil-nya dari pukul 8.00 hingga 10.00 pagi; sa-telah itu isteri Yang Teramat Mulia Pengiran Bendahara akan merasmikan pembukaannya pada pukul 10.15 dan di-buka pada orang2 ramai hingga pukul 10.00 malam.

Sa-bagaimana tahun2 yang lalu, Pameran Pertanian tahun ini mengandongi hasil2 tanaman2, perusahaan2 dan pekerjaan tangan oleh penduduk2 Negeri Brunei; antara-nya ia-lah:

\*Jenis2 Pokok: sayoran2 dan bunga2an.

\*Jenis buahan2: buahan2 yang bermusim dan yang tidak bermusim.

\*Jenis2 Binatang Teranakan: Lembu, Kambing, Ayam, Itek dan lain2.

\*Jenis2 Perusahaan dan Pertukangan Tangan: chontoh tali ayer, chontoh reban ayam, barang2 pertukangan perak, tenunan kain2, barang2 pertukangan tembaga, barang2 pertukangan kayu, anyaman tikar, kain2 dari daerah pendalaman dan lain2.

\*Beraneka Jenis Masakan2.

\*Dan lain2 barang yang berhubung dengan kesenian dan kerja tangan penduduk2 Negeri Brunei.

Sa-lain dari itu "Pasar Gembira" juga akan di-adakan di-padang Sekolah Melayu Raja Isteri dengan mengadakan permainan tikaman2 kepada penuntut2 mulai pukul 2.00 hingga 5.00 petang dengan menyediakan binatang2 teranakan, buahan2, sayoran2 dan bunga2 sa-bagai hadiah-nya kepada sa-siapa yang bernasib baik.



Gambar atas menunjukkan pemudi2 tempatan menari sa-buah tarian Melayu asli di-satu babak drama "Keris Sempena Riau" yang telah di-persembahkan di-Bandar Brunei baharu2 ini.

## KERIS SEMPENNA RIAU

BANDAR BRUNEI. — "Keris Sempena Riau", sa-buah drama sejarah telah mendapat sambutan yang meriah dari kalangan penduduk2 tempatan ketika di-persembahkan di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada malam2 28 dan 29 July yang lalu.

Drama itu di-persembahkan oleh pemuda-pemudi Brunei dibawah arahan Saudara Kalam Hamidi dan hasil pendapatan temasha itu di-dermakan kepada Persatuan Pengakap Negeri Brunei.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa pemuda-pemudi tersebut akan mempersembahkan drama "Keris Sempena Riau" itu di-Seria pada malam

1 September dan di-Kuala Belait pada malam 2 September. Persembahan di-Seria dan Kuala Belait itu ada-lah di-bawah anjuran Persatuan Bekas Penuntut2 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dan kutipan yang di-perolehi di-temasha itu nanti akan di-dermakan kepada tabung derma persatuan bekas penuntut2 maktab tersebut.

## Wakil2 Pemuda Pemudi Brunei ka-Malaya

BANDAR BRUNEI. — Tujuh orang wakil2 pemuda-pemudi dari Negeri Brunei telah berlepas dengan kapal terbang dari lapangan terbang Berakas ka-Kuala Lumpur melalui Singapura pada hari Ithnin 7 August yang lalu, kerana menghadiri perhimpunan pemuda-pemudi.

Perhimpunan itu di-mulai dari hari Rabu 9 August dan diteruskan hingga ka-hari Khamis 17 August.

Wakil2 yang hadir dalam perhimpunan pemuda pemudi itu ia-lah dari Brunei, Sarawak, Borneo Utara, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu.

Wakil2 dari Negeri Brunei yang menghadiri perhimpunan tersebut ia-lah seperti di-bawah ini:

Bandar Brunei — Puan Naemah Yusof dan Puan Lim Lai Koon.

Kampong Ayer — Inche Ismail bin Apong.

Tutong — Inche Yunos bin Abu Bakar.

Seria — Wan Shafie bin S. Hassan dan Inche Mohamed Daud bin Abdul Ghani.

Kuala Belait — Abang Abu Hanifah bin Orang Kaya Abang Haji Bujang, sa-bagai ketua rombongan.

Di-antara ramai orang yang berada di-lapangan terbang Berakas untuk mengucapkan selamat berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu kepada wakil2 dari Negeri Brunei itu ia-lah Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Rajid, Yang Dipertua, Persatuan Pemuda Pemudi Negeri Brunei; Puan Dixon-Lennett, Setia Usaha, Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei dan ramai kaum keluarga dan sahabat handai mereka.

Rombongan tersebut di-jangka tiba di-lapangan terbang Brunei sa-lepas menghadiri perhimpunan itu pada petang hari Sabtu 2 September hadapan.



Wakil2 pemuda-pemudi Brunei bergambar di-hadapan pintu masuk ka-lapangan terbang Berakas sa-belum mereka pergi ka-Kuala Lumpur menghadiri seminar pemuda-pemudi baharu2ini.

Di-kanan sa-kali ia-lah Puan Dixon-Lennett, Setia Usaha Majlis Pemuda Pemudi Brunei.

# 35,000 ORANG DI-CHONGKEL

**BANDAR BRUNEI.** — Anggota2 Jabatan Perubatan Negeri Brunei dengan di-ketuai oleh Doktor Abdul Wahab Ariff, Pegawai Perubatan Negara telah melawat ka-Daerah2 Temburong, Tutong dan Belait serta juga ka-kawasan2 dalam Daerah2 Brunei dan Muara untuk memberi pertolongan2 kepada orang ramai bagi menchegeh penyakit taon yang merebak di-Sarawak dari berlaku di-negeri ini.

Menurut satu berita yang rasmi dari Pegawai Perubatan Negeri, sa-ramai 35,000 orang termasuk kanak2 telah di-chongkel dengan ubat menchegeh penyakit itu.

Sa-masa pasokan2 perubatan itu berada di-Daerah Temburong, Pegawai Perubatan Negeri telah berjumpa dengan Inche Ajamain bin Abdul Razak, Pegawai Daerah Temburong, dan telah mengadakan perundingan2 bagi melawan penyakit taon di-daerah itu sa-kira-nya penyakit itu merebak dari Sarawak, ia-itu tidak jauh dari Temburong.

Pasokan2 perubatan itu telah menjalankan pekerjaan menyongkel dengan sa-chara besar2an kepada orang2 Iban yang tinggal di-Ulu Belait dan juga kepada lain2-nya.

Pada masa berada di-Ulu Be-

lait, pasokan2 perubatan itu telah mendapat pertolongan dan kerjasama oleh Ketua Kana, ia-itu Ketua orang2 Iban di-Kampung Melilas dan telah menjalankan kewajipan masing2 sebagaimana terma'lom.

Pasokan2 perubatan tersebut telah melawat ka-Pekan Belait, Pekan Seria, Kuala Balai, Bukit Puan, Bukit Sawat, Labi dan Sungai Liang.

Di-Daerah Tutong pula, pasokan2 perubatan itu telah melawat ka-Tanjong Maya, Kiudang, Batang Mitus, Lamunin, Telisai, Danau, Rambai, Pananjong, Ukong dan Layong.

## LANTEKAN2 BAHARU

**BANDAR BRUNEI.** — Inche Mohamed Taib bin Awang Besar telah di-lantek menjadi Pemangku Pegawai Imigresen, Brunei.

Inche Abdul Salam bin Abdul Razak telah di-lantek menjadi Penda'wa Raya di-Jabatan Uga-ma, Brunei.

Inche Othman bin Bidin, Nazir Sekolah2 Melayu Daerah Tutong telah di-lantek menjadi Pemangku Pengetua, Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Chegu Suni bin Idris dari Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong dan Chegu Pengiran Metusin bin Pengiran Haji Lampoh dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait di-lantek menjadi Pendarah2 di-Maktab Perguruan Melayu Brunei.

## Pembunuhan di-Kiudang: IBAN DI-TANGKAP

**BANDAR BRUNEI.** — Lima orang anggota2 Polis Brunei yang di-ketuai oleh sa-orang Sarjan dan mengandongi empat orang ahli2 biasa telah berjaya menangkap sa-orang Iban yang di-katakan membunuh lima orang di-Kampung Kiudang, Daerah Tutong pada 25 July yang lalu.

Anggota2 Polis tersebut ia-lah Sarjan Awangku Omar bin Pengiran Apong (Ketua Pasokan), PC Awangku Anwar bin Pengiran Haji Rajid, PC Ibrahim bin Abdul Kadir, PC Metussin bin Puteh dan PC Osman bin Haji Tengah.

Penangkapan tersebut berlaku di-satu tempat dalam hutan di-antara Lamunin dan Mungkom pada pukul 9.30 pagi hari Khamis 3 August yang lalu.

Dengan tertangkap-nya orang Iban yang di-katakan membunuh jiwa lima orang yang tidak berdosa itu maka baharu-lah penduduk2 kampung Kiudang, Lamunin dan kampung2 yang berhampiran tidak kechemasan dan bimbang lagi.

Sa-telah tertangkap-nya orang Iban itu, Tuan A.N. Outram, Pesuruh Jaya Polis Negeri Brunei telah menguchapkan tahniah kepada anggota2 Polis yang berjaya menangkap pembunuhan itu dan juga kepada lain2 anggota Polis yang telah menjalankan tugas masing2 untuk menangkap orang Iban tersebut.

Orang Iban yang mengamok

dan membunuh lima orang di-Kiudang pada 25 July yang lalu bernama Mulap anak Danau dari Kampung Rantau Kepayang, Limbang Sarawak.

Orang2 yang di-katakan dibunuh dengan sa-bilah parang oleh orang Iban itu ia-lah Koh Bah Boon, sa-orang budak lelaki berumur dua tahun, kakaknya berumur tujuh tahun bernama Koh Bah Nang; Apong bin Kim Lang, sa-orang kanak2 lelaki berumur lima bulan; Tinggal binti Ting Kee Lee, sa-orang gadis berumur 15 tahun dan ibunya Majang binti Abang.

Sa-lepas berlaku pembunuhan tersebut, pehak Polis telah menawarkan hadiah sa-banyak \$3,000 kepada barang siapa yang dapat menangkap orang yang membunuh itu supaya ia di-hukum.



Satu pemandangan di-Tambatan Kastam Diraja, Bandar Brunei pada masa sa-orang haji balek ka-tanah ayer sa-telah menunaikan fardhu haji.

## BALEK DARI MEKAH

**BANDAR BRUNEI.** — Rombongan jema'ah haji yang terakhir dari Negeri Brunei telah selamat balek ka-tanah ayer pada hari Rabu 2 August yang lalu.

Tujuh dari sepuluh orang telah mendarat dengan kapal Kimanis dari Singapura di-Labuan dan dari sana telah datang ka-Bandar Brunei.

Tiga orang lagi jema'ah haji dari Negeri Brunei itu telah mendarat di-Miri, Sarawak.

Pada musim haji tahun ini sa-ramai 79 orang dari Negeri Brunei telah menunaikan fardhu haji. Bilangan itu ada-lah mengandongi 63 orang lelaki dan 16 orang perempuan.

Jema'ah2 haji yang datang dari Singapura dengan kapal Kimanis telah di-sambut dengan meriah oleh hampir2 sa-ribu orang kaum muslimin ketika kapal itu tiba di-Labuan pada pagi 2 August yang lalu.

Sa-bagai satu tanda menguchapkan selamat balek kepada rombongan jema'ah2 haji dari Brunei dan Borneo Utara, sa-pasokan hadrah dari Labuan telah bermain di-tambatan kapal Labuan pada masa jema'ah2 haji itu mendarat.

Jema'ah haji dari Brunei itu telah datang ka-Bandar Brunei

dengan kapal Bolkia. Sa-lain dari itu tiga buah lagi kapal2 kepunyaan Kerajaan Brunei ia-itu Muara, Lela Menchanai dan Awang Semaun mengandongi ramai keluarga dan sahabat handai jema'ah2 haji itu telah juga mengikuti rombongan tersebut dari Labuan ka-Brunei.

Di-antara orang2 itu ia-lah Sheikh Haji Ibrahim yang telah berangkat bersama2 dengan jema'ah2 haji dari Brunei ka-Tanah Suchi dan balek ka-tanah ayer.

Tujuh orang jema'ah2 haji dari Brunei yang telah selamat balek ka-negeri ini dari Mekah ia-lah:

Haji Omar bin Abdullah dari Seria; Haji Osman bin Mohamed dari Seria; Haji Salleh bin Ajak dari Kampung Putat, Brunei; Haji Duraman bin Hussin dari Kampung Putat, Brunei; Haji Matassan bin Matali dari Kampung Saba Hujung, Brunei; Haji Mohamed bin Abdul Razak Imam, Mesjid Sinaut, Tutong dan Haji Mat Yusof bin Mat Tarsad dari Kampung Sungai Pandan, Brunei.



Anggota2 pasokan Polis Negeri Brunei yang telah menangkap orang Iban yang membunuh lima orang di-Kiudang sadikit hari dahulu. Dari kiri: Sarjan Awangku Omar bin Pengiran Apong, PC Metussin bin Puteh, PC Ibrahim bin Abdul Kadir, PC Othman bin Haji Tengah dan PC Ak. Anwar bin Pengiran Haji Rajid.

# BULAN BAHASA KEBANGSAAN MEMBERI KESAN YANG MEMUASKAN — MASRI

BANDAR BRUNEI. — Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Kedua telah berjalan dengan lancar dan memberi kesan yang memuaskan demi memuliakan taraf bahasa Melayu kepada bangsa2 yang bukan Melayu khusus-nya dan supaya boleh di-gunakan di-mana2 sahaja baik dalam urusan pentadbiran dan lain2, yang akan di-daulatkan pada tahun 1967 di-Persekutuan Tanah Melayu.

Demikian telah di-nyatakan oleh Inche Masri bin Dato Haji Md. Yusuf, guru Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei yang menjadi pemerhati Bulan Bahasa Kebangsaan bersama2 dengan Inche Umar bin Muhammad Pengawas Darjah2 Dewasa Negeri Brunei, dengan perbelanjaan Kerajaan.

Mereka telah bertolak ka-Persekutuan Tanah Melayu pada 21 July dan balek ka-Brunei pada 31 July lepas.

Inche' Masri berkata:

"Masa kami di-Kuala Lumpur kami telah dapat menyaksikan Ikrar Bahasa Kebangsaan yang di-adakan pada 22 July jam 5.15 petang di-Stadium Merdeka yang di-hadiri tidak kurang 20,000 orang. Mereka telah membachakan ikrar yang sa-rupa, sa-nada dan sa-bunyi.

## PEMBACHAAN IKRAR

"Serentak di-waktu itu juga di-seluruh Persekutuan Tanah Melayu, ratusan ribu manusia berkumpul di-tanah2 lapang dan di-dewan2 dan juga di-rumah2 baik di-bandar2 atau di-kampung2 sa-rupa, sa-bunyi dan sama melafadzkan ikrar tersebut."

Beliau menjelaskan lagi bahawa pembachaan ikrar bahasa kebangsaan itu telah di-susul dengan ucapan bersemangat pula dari Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman.

"Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan itu telah di-adakan di-tiap2 negeri di-Persekutuan Tanah Melayu dengan berbagai2 acara. Umpama-nya peraduan membacha sajak, sharahan, drama, tablo, malam kebudayaan oleh semua bangsa yang pada pokok-nya mendukung pelancharan bulan bahasa," kata Inche' Masri.

Sa-lama sa-puluh hari di-Persekutuan Tanah Melayu mereka telah mengikuti Bulan Bahasa Kebangsaan itu dengan mengadakan lawatan ka-Melaka, Johor dan Seremban sahaja.

## SAMBUTAN PEDAGANG2

"Ketiga2 tempat ini kami saksikan ada-lah memuaskan hati dalam pelaksanaan Bulan Bahasa Kebangsaan itu. Di-Melaka, mithal-nya banyak perubahan2 yang di-buat dengan bahasa Melayu seperti nama2 jalan raya, alamat2 jalan semua-nya di-tulis dengan bahasa Melayu," tambah Inche' Masri.

Menjawab pertanyaan bagaimana sambutan pedagang2 atau sharikat2 perniagaan di-sana berhubung dengan bulan bahasa itu; Inche Masri menjelaskan bahawa sambutan2 yang di-beri

pedagang2 itu tidak ubah-nya seperti sambutan Minggu Bahasa yang kita adakan di-Brunei dahulu.

"Sa-hingga masa ini", kata beliau, "Nama kedai2 maseh dalam bahasa asing. Dalam pada itu ada juga sedikit2 yang sudah mengubah-nya dengan bahasa Melayu."

Mencheritakan tentang sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan itu, Inche' Masri berkata bahawa tiap2 negeri mengadakan sambutan dengan achara-nya yang bersendirian di-pengerusikan oleh Setia Usaha Kerajaan masing2 yang keseluruhannya menggalakkan pemakaian bahasa Melayu kepada orang2 yang bukan Melayu.

"Di-pusat, tegas-nya di-Kuala Lumpur, chuma mengadakan peraduan sharahan sahaja yang terbuka kepada segala bangsa dan bulan bahasa kebangsaan itu ada-lah anjoran Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu", tambah beliau.

Mengenai Pameran Buku2, Inche' Masri menyatakan bahawa berbeza dengan Minggu Bahasa yang kita adakan di-Brunei, di-Malaya pameran buku2-nya kali ini ada-lah sa-mata2 buku2 yang di-terbitkan oleh penerbit2 tempatan sahaja yang di-tulis dalam bahasa Melayu.

## MENAREK PERHATIAN

"Yang menarek perhatian kami ia-lah Gerai Berita Harian yang mempamerkan buku2 penerbitan-nya dan di-sana dapat di-perhatikan dengan gambar bagaimana Berita Harian dari mula di-kerjakan hingga sampai ka-tangan tiap2 pembacha. Ini, semua di-terangkan dengan gambar2 yang menunjukkan kerja2 tersebut," kata beliau.

Inche' Masri berkata lagi bahawa dalam pameran buku2 itu tidak ketinggalan pencharagam bermain untuk menambah suasana meriah dan riang sekali. Jabatan Penerangan tidak ketinggalan juga mengambil bahagian dengan mengadakan pameran gambar2 yang berchorak penerangan dan ilmu pengetahuan.

Di-tanya apa-kah tujuan2 bulan bahasa kebangsaan yang di-lancarkan itu menurut pengetahuan beliau, Inche Masri me-

negaskan menurut tinjauan-nya ia-lah:

\*Membangkit dan memupok serta menggalakkan semangat orang2 yang bukan Melayu supaya mempelajari bahasa Melayu; dan

\*Sa-bagai menunaikan langkah sesuai dengan maksud kerajaan merasmikan bahasa Melayu sa-lewat2nya pada tahun 1967.

Mengenai perubahan2 bahasa Melayu sa-telah di-adakan gerakan2 untuk menggalakkan pemakaian bahasa Melayu kepada orang2 yang bukan Melayu, kata Inche' Masri, banyak-lah perubahan2 yang boleh kita banggakan pada amalan-nya. Umpama-nya nama2 jalan, alamat2 jalan, nama2 pejabat dan lain2.

## KATA2 SELOGAN

Beliau juga menggambarkan pemandangan-nya pada masa Bulan Bahasa itu mengenai kata2 slogan yang mendukung bulan bahasa yang di-adakan itu ada yang di-tulis pada kain2 dan ada yang di-tulis di-atas papan atau besi yang boleh di-pakai beberapa lama atau kekal di-satengah2 simpang jalan.

Bagitu juga kata beliau, tiap2 pertubuhan atau persatuan diberi peluang mengambil bahagi-

an dalam sambutan Bulan Bahasa itu dan peraduan bersendirian juga di-adakan oleh persatuan2, sharikat2, universiti yang pada pokok-nya untuk menggalakkan pemakaian bahasa Melayu.

## ADA KEMUNGKINAN

"Dalam jangka menjelang ka-tahun 1967 sa-bagai jangka waktu perasmian bahasa Melayu sa-bagai bahasa kebangsaan di-Persekutuan Tanah Melayu, achara2 Minggu Bahasa dan Bulan Bahasa telah di-adakan. Maka dari hasil yang di-peroleh dari anjoran2 ini-lah bahasa Melayu akan di-daulatkan menurut ketetapan itu," kata Inche' Masri.

Menjelaskan pertanyaan kemungkinan2 di-buat di-Brunei berhubung dengan langkah2 yang di-buat oleh Persekutuan Tanah Melayu untuk menggalakkan pemakaian bahasa Melayu, Inche' Masri berkata bahawa memang ada kemungkinan di-buat di-Brunei sebab Kerajaan Negeri Brunei juga menchatitkan dalam perlembagaan-nya bahawa bahasa Melayu ada-lah sa-bagai bahasa rasmi. Itu, ada-lah tergantung kepada kerajaan.

Akhir-nya beliau berkata: "Kami akan menghantar laporan kami mengandongi pandangan berhubung dengan bulan bahasa kebangsaan yang kami saksikan sa-lama sa-puluh hari itu. Dan bersama2 laporan itu juga kami akan membuat chadangan chara2 menggalakkan bahasa Melayu sesuai dengan maksud perlembagaan."



Y.T.M. Duli Pengiran Bendahara kelihatan dalam gambar ini merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Bengkurong.

Di-belakang Yang Teramat Mulia itu ia-lah dari kiri Yang Mulia Pengiran Ahmad bin Pengiran Anak Luba dan Yang Mulia Pengiran Haji Zainal.

Berita berkenaan dengan istiadat pembukaan rasmi Sekolah Melayu Bengkurong telah pun di-siarkan dalam PELITA BRUNEI keluaran yang lalu.

# MAJLIS KENANG2AN DI-TUTONG

## Istiadat Perishtiwaran D.P.M.M.

(Dari Muka 1)

Pengiran Pemancha dan Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar dengan perhiasan2 di-raja yang turun temurun itu.

Kemudian Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Hassanalk Bolkih telah berangkat ka-Pasiban Agong dengan di-kepalai oleh dua orang Penglima, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar, 4 perhiasan tunggal, 20 orang pasokan membawa tumbak, 20 orang pasokan membawa pedang, 18 orang pehawai (anak2 perempuan), Kerabat2 Di-Raja, Menteri2 dan Ahli2 Majelis Mashuarat negeri.

Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri Besar, Dato Setia Marsal bin Maun, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Muhammad; Yang Berhormat Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Dato setia Pengiran Haji Mohd. Yusuf; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Di-Raja Awang Abd. Rahman; Yang Duli Muliakan Pehin Orang Kaya Perbendaharaan; Yang Mulia Pengarah Haji Mokti dan Pengarah Haji Abdullah, telah masuk membawa barang2 persembahan dalam istiadat tersebut yang terdiri dari surat perishtiwaran, keris kebesaran kerajaan, pakaian persalinan, pedang, tumbak, bedil ka-Pasiban Agong sa-belum pemashhoran itu di-ishtiharkan.

Istiadat yang berunsorkan adat istiadat di-raja yang turun temurun itu telah di-mulai pada 4 August dengan membuka "gendang jaga2" di-Surau Di-Raja di-iringi dengan 12 tembakan meriam.

Persembahan2 malam aneka warna panchak silat, ronggeng, tari2 dan lain2 dari murid2 sekolah dan penduduk2 Brunei juga di-adakan di-Padang Besar Bandar Brunei dan di-kawasan Istana Darul Hana mulai dari 13 August hingga berakhir pada malam esok.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei akan membuat lawatan rasmi ka-Tutong dan Da'erah Belait pada hari ini dan ka-Temburong pada 17 August esok.

Akhir-nya, "istiadat mengadap ziarah" dan "do'a selamat" akan di-adakan di-Pasiban Agong Istana Darul Hana pada 18 August jam 10.00 pagi sa-bagai selesainya Istiadat Memashhorakan Perishtiwaran Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Hassanalk Bolkih menjadi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei.

TUTONG. — Pelajar2 Bahasa Inggeris bahagian petang dan gabungan guru2 mengajar di-Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong telah mengadakan satu majlis jamuan kerana memberi selamat bertukar kapada Che'gu Suni bin Idris, guru Bahasa Inggeris di-Sekolah Melayu Muda Hashim ka-Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Majlis itu telah di-adakan di-bangunan Sekolah Melayu Muda Hashim sadikit hari dahulu dan di-pengerusikan oleh Inche Abdul Ghafor bin Damit.

Di-antara ahli2 jemputan khas di-majlis itu ia-lah Inche Othman bin Bidin yang pada masa itu menjadi Nadzir, Sekolah2 Melayu Daerah Tutong.

Uchapan2 telah di-lafadzkan di-majlis tersebut oleh Inche Abdul Ghafor bin Damit, Inche Othman bin Bidin dan oleh wakil pelajar2 tersebut Che'gu Ahmad bin Kadi.



Satu pemandangan orang2 yang hadir di-Majlis jamuan tersebut.

## LAWATAN D.P.M.M. KA-TEMBURONG

TEMBURONG. — Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota akan melawat ke-Daerah Temburong sa-chara rasmi pada hari Khamis 17 August 1961.

Susunan hari keberangkatan Y.T.M. Duli Pengiran Muda Mahkota ka-Daerah Temburong ia-lah:

8.00 pagi Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota, bersama2 rombongan bertolak dari Bandar Brunei.

11.00 pagi Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota

Brunei dan rombongan di-jangka sampai di-tambahan kapal Bangar, dan di-sambut oleh Pegawai Daerah, Temburong.

11.05 pagi Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei, di-junjong berangkat naik, dan terus di-junjong kaperbarisan kehormatan terdiri dari pasokan Pulis Brunei.

Sa-lepas Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota menerima Tabek Kehormatan, di-junjong pula berarak berkeliling Bandar Bangar.

11.30 pagi Y.T.M. Seri Paduka

## Pegawai2 Kerajaan ka-Australia

BANDAR BRUNEI. Tujoh orang pegawai2 Kerajaan Brunei akan berlepas dengan kapal terbang ka-Australia melalui Singapura pada hari Ithnin 21 August untok menghadiri kursus kewangan sa-lama kira2 tiga tahun.

Pegawai2 itu ada-lah mengan-dongi 5 orang dari Bandar Brunei dan 2 orang lagi dari Kuala Belait.

Beliau2 tersebut ia-lah Inche Ahmad Sa'ad dari Jabatan Kewangan Bandar Brunei; Inche Zakaria bin Jeneh dari Pejabat Tanah, Bandar Brunei; Pengiran Salleh bin Pengiran Haji Rajid dari Pejabat Elektrik, Bandar Brunei; Inche Mohamed Ali bin Bakar dari Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei dan Inche John Puk Min San dari Perkhidmatan Pos, Bandar Brunei.

Dari Kuala Belait ia-lah Inche Alias bin Patrick Jupp dari Pejabat Bandaran dan Inche Chong Kow Tze dari Pejabat Pulis.

Pegawai2 itu akan berada di-Australia sa-lama tiga tahun dan sa-telah balek ka-Brunei mereka akan menjalankan pekerjaan2 yang bertanggung jawab berkenaan dengan hal ehwal kewangan dalam pertadbiran Negeri Brunei.

## Lawatan D.P.M.M. ka-Belait

KUALA BELAIT. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei akan melawat ka-Daerah Belait sa-chara rasmi pada hari ini.

Jadual keberangkatan Y.T.M. Duli Pengiran Muda Mahkota ka-Daerah Belait ada-lah saperiti berikut.

11.30 pagi — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota tiba di-Belait dari Tutong di-sambut oleh Pegawai Daerah, Belait sa-terusnya memeriksa Barisan Kehormatan.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota rehat di-Istana Kota Manggalela.

12.45 tengah hari — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan rombongan berangkat ka-Kuala Belait Recreation Club menghadiri jamuan makan tengah hari persembahan penduduk2 Belait.

3.30 petang — Jamuan Teh di-Istana Kota Manggalela persembahan dari pada Ahli2 Jawatan Kuasa Penvambut keberangkatan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota.

4.30 petang — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan rombongan balek ka-Bandar Brunei.

ka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei, di-junjong berehat kamahkamah Pegawai Daerah, Temburong.

12.20 tengah hari semua para jemputan di-kehendaki hadir dan duduk di-kerusi yang telah di-sediakan.

12.30 tengah hari Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei di-junjong berangkat menghadiri santapan tengah hari di-Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong.

12.35 tengah hari jamuan (santapan) di-edarkan, Uchapan akan di-lafadzkan oleh wakil dari penduduk2 Daerah Temburong di-sampaikan oleh Inche Ajmain bin Abdul Razak, Pegawai Daerah, Temburong dan titah ucapan dari Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei.

Istiadat penutup Do'a Selamat akan di-sampaikan oleh O.K. Setia Haji Abdul Rahim bin Hakim, Imam Masjid Bangar, Temburong.

1.30 tengah hari Majlis bersurai, serta memperkenalkan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Mahkota kepada Pehin2 yang bergelar, Ahli2 Majelis Meshuarat Daerah, Penghulu2 Kampong, Ketua2 Kampong, dan Ketua2 Kaum.

2.00 petang Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Mahkota dan rombongan berangkat balek ka-Bandar Brunei.

# CHARA2 YG. MUSTAHAK BAGI MENYUBORKAN TANAMAN2

Lazim-nya pokok2 tanaman kita di-dunia ini terbahagi kepada dua bahagian, yang pertama dikenali dengan pokok kekal ya'ani yang tetap atau tahan lama, kedua, pokok yang tidak lanjut atau tidak lama umur-nya.

Ada-lah sangat mustahak tiap2 peladang lebeh2 giat lagi bagi mengusahakan tanaman tersebut, kerana ada banyak faedah-nya untuk bahan2 keperluan sa-hari2, dan sudah tentu mendapat hasil dengan segera sementara mendapat hasil tanaman yang besar.

Ada juga tanaman sementara ini di-lakukan di-perantaraan musim2 tanaman seperti tanaman padi, buah2an, getah dan sa-bagai-nya.

Chara yang baik dan sempurna ada-lah seperti di-atorkan di-bawah ini :

### MEMILEH TANAH

- ◆ Nanas hendak-lah tanah yang berpasir hitam dan gembor.
- ◆ Pisang hendak-lah tanah liat berpasir hitam dan rata.
- ◆ Ubi kayu hendak-lah tanah berpasir hitam dan rata, tetapi tanah2 bukit janganlah hendak-nya.

Tapak tanah yang di-kehendaki ia-lah berhampiran dengan sungai2 atau telaga ayer supaya senang menggunakan ayer untuk penyiram terutama pada musim kemarau.

Tanah2 yang selalu di-timpa ayer bah janganlah di-tanami kerana akan jadi sia2 sahaja.

### MEMILIH BIBIT

Chara mendapatkan-nya yang lebeh baik dan sempurna seperti nanas hendak-lah daripada anak atau sulinya; pisang hendak-lah daripada anak yang baik sahaja dan ubi kayu hendak-lah daripada

# TANAMAN2

*Dalam keluaran2 Pelita Brunei yang lalu, beberapa renchana tanaman telah di-tulis oleh pegawai2 luar dari jabatan pertanian, maka kali ini pembacha akan menatapi pula sa-buah renchana dari sa-orang Pegawai Luar Pertanian Inche Panjang bin Lani dari Jabatan Pertanian bahagian Tutong.*

*Inche Panjang akan menghuraikan chara2 yang mustahak bagi menyuborkan tanaman2 yang patut di-ikut oleh penduduk2 dalam negeri ini.*

*Untuk mendapatkan hasil2 tanaman yang memuaskan maka ikuti-lah sa-terus-nya rahsia2 yang terdapat dalam renchana ini bagi tanaman2 yang tersebut di-bawah ini :*

da batang atau keratan yang baik juga.

Biasa-nya orang2 mendapat bibit2 tersebut sa-sudah pokok2 itu mengeluarkan buah yang baik, baik dari anak mahu pun keratan atau batang. Jalan sa-umpama ini-lah yang baik dan patut di-turuti.

Bibit2 dari anak atau suli boleh-lah terus di-tanam tetapi batang ubi kayu di-kerat2 lebeh dahulu sa-panjang 8 atau 10 inchi. Harus di-ingat jangan terbalek menanam-nya.

### KESIAPAN LADANG

Lazim-nya bagi orang2 menjalankan persiapan ladang tanam ini, di-tebas lebeh dahulu, kemudian di-bakar dan tunggol-nya di-paron hingga chukop sempurna dan memuaskan hati untuk tanaman yang di-chadangkan itu.

### JARAK2 TANAMAN

Mengenai atoran jarak2 ini samesti-nya di-ikuti seperti di-bawah ini :—

- ◆ Nanas dalam ukuran 6' x 6' persegi hendak-lah di-tanam sa-banyak 1,210 pokok pada sa-ekar tanah.
- ◆ Pisang dalam ukuran 10' x 10' persegi hendak-lah di-tanam sa-banyak 346 pokok pada sa-ekar tanah.

- ◆ Ubi kayu dalam ukuran 3' x 3' persegi hendak-lah di-tanam sa-banyak 4,840 pokok pada sa-ekar tanah.

Jarak2 tersebut ada-lah ukuran kepada tanah2 rata atau pamah sahaja.



*Sa-telah kita memelihara sa-tiap tanaman yang di-usahakan dengan sa-chukup2-nya, maka kesuburan-nya serta hasil-nya akan mudah di-dapati seperti gambar tanaman pisang yang tertera di-atas.*

### BERTANAM ATAU MENGUBAH

Kebiasaan-nya terlebeh dahulu di-sediakan beneh2 sementara menantikan persesuaian musim-nya, terutama sekali kalau musim hujan kerana tidak payah di-siram dan kesuburan-nya terus maju.

### PENJAGAAN

Mustahak-lah di-lakukan dengan bersungguh2 terutama tentang rumput2 yang boleh mengganggu kesuburan-nya dan dari serangan musoh2.

Kalau-lah di-dapati tanda2 musoh atau penyakit2 pada sa-barang tempat dalam tanaman itu hendak-lah memberi tahu kepada sa-barang Pegawai2 Pertanian yang berhampiran supaya mendapat pertolongan dengan segera dan tidak akan jadi membak.

### MEMBAJA

Pokok2 tanaman ini perlu-lah di-taroh baja, jika ada tanda2-nya tanaman ini kurang subur atau daun2-nya jadi kekuningan2.

Baja2 ada banyak dan berma-

cham2 seperti baja dagangan dan asli. Tetapi baja2 asli dari ramuan tumbuh2an dan najis2 ternakan ada-lah lebeh baik dari baja dagangan.

Chara2 membaja-nya hendak-lah di-korekkan seperti parit kechil di-sakeliling pangkal pokok2 itu kira2 1½ kaki jarak-nya.

Kalau pokok2 pertengahan besar, biasa-nya di-bawah hujung daun pokok2 tersebut, lepas itu di-timbuskan kembali apabila sudah di-buboh baja supaya tidak di-hanyutkan oleh ayer hujan dan lalat2 atau sa-umpama-nya.

### MEMETIK BUAH

Kebiasaan-nya buah2 ini di-ambil dengan mengikut tandanya, seperti buah nanas, tangkai atau buah dan daun-nya kelihatan kechut dan layu menandakan sudah patut di-petik atau sudah tua.



*Ubi kayu ada-lah suatu tanaman yang tidak kurang penting-nya dari makanan2 yang kita perlukan, maka sa-harus-nya kita mengusahakan-nya lebeh2 giat lagi mengikut peratoran2 yang tersebut dalam renchana ini. Gambar di-atas menunjukkan tanaman ubi kayu dalam sa-buah ladang kechil yang di-usahakan oleh sa-kelamin keluarga di-Jalan Tutong.*

Pisang pula, bila tangkai atau bekas bunga di-hujung buah-nya luroh, daun kechil dekat buah itu layu atau kering menandakan sudah tua.

Manakala ubi kayu pula bila tanah merkah dan berubah menandakan sudah berisi besar boleh di-ambil hasil-nya.

### MENJUAL

Biasa-nya orang2 menjual hasil tanaman-nya dengan tidak menentu sa-hingga terbuang kalau tidak laku, ini chuma sedikit sahaja, tetapi kalau banyak tentulah mendatangkan kerumitan.

Mengikut chara2 yang baik dan sempurna hendak-lah bersatu padu atau menubuhkan sharikat kerjasama atau pun chari tokoh2 untuk menjayakan-nya.

Maka dengan jalan ini akan terselamat dari bahaya kerugian sa-balek-nya akan mendapat kejayaan dan keuntungan. Tetapi kalau mewah hasil yang di-dapati harus akan berkurangan harganya, sa-balek-nya janganlah khuatir tentang perkara ini, asal saja kemewahan dan kemajuan terchapai, dengan itu maka ujud-lah kema'amoran negara.

PERTANDINGAN BOLA SEPAK PIALA BORNEO:

**BRUNEI MENGALAHKAN BORNEO UTARA**

**BANDAR BRUNEI.** — Negeri Brunei telah mengalahkan Borneo Utara dalam pusingan pertama pertandingan bola sepak kerana merebutkan Piala Borneo dengan 3 gol berbalas 1.

Pertandingan tersebut telah di-langsungkan di-Jesselton pada petang hari Ahad 6 August yang lalu dan di-saksikan oleh ramai peminat permainan bola sepak.

Norman Vowles telah menjaringkan 2 gol dan Hussain Ahmad menjaringkan satu gol bagi pasukan Brunei.

Gol yang tunggal di-dapati oleh Borneo Utara di-jaringkan oleh Ismail.

Pasokan Brunei telah melanjutkan Borneo Utara tiga minit sa-lepas pertandingan itu dimulainya apabila Norman Vowles, forward tengah Brunei berjaya menembusi masuk ka-dalam kubu pertahanan Borneo Utara dan menjaringkan gol Brunei yang pertama sa-telah ia mendapat hantaran bola dari Kadir sayap kiri Brunei.

**TERCHEDERA**

Tujuh minit kemudian, Hashim Suhaimi terkenal sa-bagai Kassim, sa-orang forward Brunei telah terchedera dan terpaksa berhenti bermain. Tempatnya itu di-gantikan oleh Hussain Ahmad.

Tidak berapa lama kemudian, Norman Vowles telah berhasil menjaringkan gol yang kedua bagi pasukan negeri ini.

Pasokan Borneo Utara telah beberapa kali membuat serbuan

yang hebat sa-lepas itu. Akan tetapi oleh kerana kubu Pasokan Brunei di-jagai kuat oleh Pengiran Johari dan juga barisan pertahanan Brunei di-awasi dengan kebal oleh Johnny Marcus dan Chua Soo Thian, maka pemain2 Pasokan Borneo Utara tidak berhasil menjaringkan gol yang di-tunggu2kan itu.

Bagaimana pun sa-belum pertandingan pertengahan yang pertama tamat, Borneo Utara telah berjaya menjaringkan golnya yang tunggal menerusi Ismail sa-orang forward-nya.

Dalam masa berehat Brunei mendapat 2 gol dan Borneo Utara mendapat satu gol.

Sa-telah pertandingan di-sambungkan sa-mula, Borneo Utara

telah mengubah tempat dua orang pemain-nya, ia-itu Tuning menjalankan peranan Francis Chang dan Francis Chang pula bermain di-tempat Tuning dalam barisan penyerbu.

**PERTUKARAN**

Oleh kerana pertukaran tempat itu, Pasokan Borneo Utara nampak-nya telah mendapat semangat yang baharu dan pasukan itu bermain lebeh cergas lagi daripada masa yang lalu.

Pasokan Brunei telah tidak gentar dengan pertukaran itu dan dengan bermain bersungguh2 Brunei telah dapat gol-nya yang ketiga melalui Hussain Ahmad.

Pertandingan kelihatan cukup hebat semenjak masa permulaan hingga ka-akhir. Brunei telah menchuba hendak menjaringkan beberapa gol lagi dan begitu ju-

ga Borneo Utara berikhtiar hendak mengurangkan kekalahan-nya itu.

Kedua2 pasukan telah tidak berhasil menchiptakan kehendak masing2 dan pada masa wisal di-tiup oleh pengadil yang bernama pertandingan itu telah tamat, Brunei telah berjaya mengalahkan Borneo Utara dengan tiga gol berbalas satu.

Pemain2 Pasokan Brunei — Pengiran Johari, Chua Soo Thian, Johnny Marcus, Ibrahim Metussin, Ali Noor, Ismail Salleh, Pengiran Mahali, Hashim Suhaimi kemudian di-gantikan oleh Hussain Ahmad, Norman Vowles, Ali Tarip, Kadir dan Matyasin.

Pemain2 Borneo Utara — Jambul, Yassin, Mat Noor, Yusuf, Noordin, Philip Kin, Ibrahim, Aloysius Vu, Francis Chang, Saman, Ismail dan Tuning.



Pemandangan di-temasha Sukan Sekolah2 Melayu Bandar Brunei.



Pasokan bola sepak Brunei di-gambarkan di-lapangan terbang Berakas pada masa pasokan itu balek dari Jesselton pada 7 August yang lalu. Berdiri di-kanan sa-kali ia-lah Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Rajid, Yang Dipertua Persatuan Bola Sepak Negeri Brunei dan berdiri nombor 3 dari kanan ia-lah Pengiran Matussin, Pengelola pasukan itu.

**SUKAN SEKOLAH2 MELAYU**

**BANDAR BRUNEI.** — Dua temasha pertandingan sukan di-antara Sekolah2 Melayu telah di-adakan di-sini pada hari Sabtu 29 July yang lalu.

Pada pagi hari tersebut telah di-adakan pertandingan sukan di-antara Sekolah2 Melayu dalam Jajahan Brunei dan Muara. Pertandingan itu di-teruskan hingga ka-lewat petang hari tersebut.

Pada petang hari itu juga telah di-adakan pertandingan sukan di-antara Sekolah2 Melayu dalam Bandar Brunei.

Isteri kapada bekas Setia Usaha Kerajaan Brunei telah menyampaikan hadiah2 kepada para peserta yang berjaya di-temasha sukan Sekolah2 Melayu Jajahan Brunei.

Hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya di-temasha sukan Sekolah2 Melayu Bandar Brunei disampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Dato Paduka Muhammad.



Murid2 Sekolah Melayu Raja Isteri, Bandar Brunei kelihatan berbaris dalam istiadat pembukaan rasmi sukan Sekolah2 Melayu Bandar Brunei pada bulan July yang lalu.

# Major Titov Mengelilingi Dunia 17 Kali

MOSCOW. — Major Gherman Stepanovitch Titov, penerbang angkasa lepas Russia yang kedua telah berhasil mengelilingi dunia dalam kapal "Vostok Yang Kedua" sa-banyak 17 kali pada hari Ithnin 7 August yang lalu, dengan mengambil masa 25 jam 18 minit.

Kapal angkasa lepas itu, berat-nya 4½ tan, telah terbang sejauh 434,960 batu dan telah mendarat dengan selamat di-kawasan Saratov, letak-nya 45 batu ka-tenggara Moscow.

Tempat tersebut tidak jauh dari tempat yang di-naiki ka-angkasa lepas oleh Major Alekseyevitch Yuri Gagarin dalam kapal "Vostok Yang Pertama" pada 12 April yang lalu.

Sa-belum memandu kapal "Vostok Yang Kedua" ka-angkasa lepas, Titov bergelar Kapitan dan semasa berada di-angkasa lepas pehak yang berkuasa Russia telah meninggikan pangkat-nya menjadi Major.

Major Titov telah berada di-angkasa lepas sa-lama 25 jam 18 minit, manakala Major Gagarin pula hanya mengedari bumi sa-lama 1 jam 48 minit.

Dengan hal yang demikian, Major Titov adalah menjadi manusia yang pertama dalam dunia berada di-angkasa lepas yang lama sa-kali.

Kejayaan Russia menghantar manusia yang kedua itu ka-angkasa lepas telah membuka jalan bagi kemungkinan mengadakan penerbangan 2 ka-angkasa lepas oleh manusia.

Dalam penerbangan yang bersejarah itu, Major Titov telah tidor lebeh daripada 8 jam, ia itu sa-tengah jam lebeh daripada masa yang di-jangka, dan telah makan tiga kali.

## Pemangku Nadzir S. M. T.

TUTONG. — Chegu Abdulah bin Penyurat Haji Abu Bakar, Guru Besar Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong telah dilantek menjadi Pemangku Nadzir Sekolah2 Melayu Daerah Tutong sa-lain daripada menjadi Guru Besar sekolah tersebut.

Pada sa-belah malam hubungan radio dengan kapal angkasa lepas itu telah di-berhentikan untuk memberi peluang kepada penerbang kapal angkasa lepas itu tidor.

Major Titov telah menyampaikan utusan2 melalui siaran radio kepada ra'ayat Russia dan satu lagi kepada Tuan Khrushchev.

Tujuan penerbangan kapal angkasa lepas itu ia-lah untuk mempelajari kesan2 di-badan manusia pada masa melakukan penerbangan yang lama di-angkasa lepas, chara pendaratan di-muka bumi dan juga untuk mengkaji kekuatan tenaga manusia ketika berada dalam awang2an.

Major Titov telah datang ka-Moscow pada minggu yang lalu dan telah di-beri sambutan kehormatan dari Perdana Menteri dan ra'ayat jelata Russia sa-bagai mana sambutan yang di-berikan kepada Major Gagarin.

## Lawatan Badan Penerangan Ugama Islam

BANDAR BRUNEI. — Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam, Negeri Brunei telah melawat ka-beberapa tempat dalam negeri ini untuk memberi sharahan berkenaan dengan Ugama Islam.

Ramai kaum Muslimin telah hadir di-tiap2 majlis yang diadakan itu.

Pada hari Jumaat 4 August anggota2 tersebut telah bersharah di-Sekolah Melayu Kampung Masin dan juga di-Sekolah Melayu Berakas.

Dua hari kemudian rombongan itu telah melawat ka-Kampung Ukong di-Ulu Tutong dan bersharah di-kawasan rumah Penghulu kampung itu.

Pada hari Jumaat yang lalu rombongan itu telah bersharah di-Mesjid Kampong Bokok, Temburong dan juga di-Mesjid Kampong Kupang, Tutong.

Rombongan tersebut telah bersharah di-kawasan rumah Penghulu Kampong Kiudang, Tutong pada hari Ahad yang lalu.

Tarikh dan masa lawatan rombongan tersebut ka-lain2 tempat dalam bulan ini ia-lah seperti di-bawah ini:

Hari Jumaat 18 August di-

Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei mulai dari pukul 11 pagi hingga ka-pukul 12.30 tengah hari.

Pada hari tersebut juga akan di-adakan sharahan ugama di-Mesjid Kampong Sinaut, Tutong dan masa-nya ia-lah dari pukul 11 pagi ka-pukul 12.40 tengah hari.

Hari Jumaat 24 August di-Mesjid Seria di-antara pukul 8 malam dan 10 malam. Majlis itu ada-lah terbuka kepada kaum lelaki dan perempuan.

Pada malam tersebut juga akan di-adakan sharahan di-Sekolah Melayu Lela Menchanai Kampong Ayer mulai dari pukul 8 malam. Majlis itu juga adalah terbuka kepada kaum lelaki dan perempuan.

Hari Sabtu 26 August di-Mesjid Kuala Belait mulai dari pukul 8 malam. Majlis itu ada-lah terbuka kepada kaum lelaki dan perempuan.

## PUSAT PERTUKARAN KEBUDAYAAN

HONOLULU. — Dua orang pentadbir Pusat Pertukaran Teknik dan Kebudayaan di-antara Amerika dengan Asia telah memulakan lawatan mereka untuk membinhangkan perhubungan Pusat tersebut dengan negeri2 Asia, termasuk Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu.

Pegawai2 itu ia-lah Dr. Norman Meller dan Dr. M.F. Heiser. Mereka akan mengadakan lawatan berasingan2 kerana menemui ahli2 pelajaran dan pegawai2 kerajaan dalam 12 buah negeri Asia.

Dr. Meller akan melawat Filipina, Republik Vietnam, Indonesia, Singapura, Persekutuan Tanah Melayu, Thailand, dan Hong Kong.

Dr. Heiser akan melawat Burma, Pakistan, Nepal, India dan Ceylon.

Pusat Pertukaran Teknik dan Kebudayaan di-antara Amerika dengan Asia ada-lah berpusat di-Hawaii Universiti untuk menggalakkan dan membaiki pengertian faham di-antara Amerika Sharikat dengan negeri2 Asia.

Dr. Meller dan Mr. Heiser, akan menemui pelajar2 yang akan belajar di-Pusat tersebut dalam tahun 1962-63. Mereka akan membinhangkan juga la-tahan2 teknik dan keperluan2 pelajaran2 yang di-kehendaki oleh negeri2 yang mereka lawati. Mereka akan membuat persiapan2 akhir bagi pelajar2 Asia yang telah di-beri biasiswa2 untuk belajar di-Pusat tersebut bagi tahun 1961-62, dan juga bagi pelajar2 Amerika yang pergi melanjutkan pelajaran2 mereka di-negeri2 Asia.

Pusat tersebut telah di-buka dalam bulan Februari 1961 sa-telah Kongres Amerika Sharikat meluluskan suatu undang2 kerana-nya. — U.S.I.S.

## MANDI SAFAR DI-NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Pantai2 Jerudong dan Muara yang biasa-nya di-banjiri oleh beribu2 orang Islam dan lain2 bangsa kerana merayakan hari mandi safar telah kelihatan lengang sahaja pada tahun ini.

Suasana sa-umpama ini bukan

hanya terdapat di-pantai2 tersebut tetapi juga di-pantai2 Penanjong, Seria dan Belait.

Sungguh pun di-Seria orang2 Islam yang bekerja dengan Sharikat Minyak telah di-benarkan berchuti kerana menyambut hari mandi safar tersebut, tetapi

keramaian di-pantai2 Seria dan Belait jauh beza-nya dari tahun2 yang lalu.

Kelengangan di-pantai2 tersebut tidak menjadi kehairanan bagi penduduk2 negeri ini kerana di-sebabkan ketiadaan kelepa-san awam seperti tahun2 lepas.

Di-pantai Jerudong hanya lebeh kurang sa-ratus orang sahaja yang sa-bahagian besar-nya terdiri dari kanak2 sekolah2 Melayu yang mandi manda dan bersuka ria, manakala di-pantai2 Muara dan Penanjong tidak lebeh dari itu.



Ketibaan hari mandi safar hanya sa-bahagian besar-nya di-raikan oleh kanak2 sekolah sahaja, kerana hari tersebut ada-lah hari kelepa-san pada mereka. Gambar di-atas menunjukkan mereka sedang bersuka ria dan mandi manda di-pantai2 Jerudong dan Muara.